

STRATEGI PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT PEMBELAJARAN

NAMA PUSAT : OUTDOOR LEARNING CENTRE

PUSAT : AKTIVITI LUAR

TAJUK : BATU VS MINYAK

BIL	PERKARA	CATATAN	
1	STANDARD KANDUNGAN	FK 2.2	Melakukan pelbagai pergerakan lokomotor
2	STANDARD PEMBELAJARAN	FK 2.2.2	Melakukan gabungan pergerakan lokomotor
3	STREAM	S	Membuat pemerhatian menggunakan deria(penglihatan,pendengaran,sentuhan)
		T	Botol,bekas,sudu,pembaris
		R	Mengamalkan sikap bekerjasama dalam melakukan aktiviti
		E	Mengenal pasti peraturan permainan
		A	Kanak-kanak menjana idea untuk mengisi batu/minyak dalam botol
		M	Membuat perbandingan ukuran
4	OBJEKTIF	Kanak-kanak dapat melakukan gabungan pergerakan lokomotor.	
5	BBM	Minyak masak,air,botol mineral, sudu,batu,pembaris, wisel, lagu, radio	
6	NILAI MURNI	Menghargai	
7	PELAKSANAAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. Murid dibawa ke luar kelas. Melakukan pergerakan mengikut muzik. 2. Guru menerangkan tentang aktiviti yang akan dijalankan. 	

3. Kanak-kanak dibahagikan kepada 2 kumpulan iaitu Kumpulan 1 dan Kumpulan 2. Setiap ahli kumpulan terdiri daripada 4 orang.
4. Guru menerangkan cara untuk mengisi batu dan minyak ke dalam botol:
 - Kanak-kanak seramai 2 orang berada di stesen A. Aktiviti di stesen A ialah kanak-kanak akan bersama-sama memasukkan batu ke dalam botol dalam tempoh masa 15 saat, Kemudian akan menghantar botol berisi batu itu tadi kepada rakan yang berada di stesen B.
 - Di stesen B pula, 2 orang kanak-kanak lain akan memasukkan minyak menggunakan sudu ke dalam botol dalam masa 15 saat.
5. Selepas masa tamat, guru bersama kanak-kanak mengambil ukuran paras batu/minyak menggunakan pembaris. Paras yang paling tinggi dikira pemenang.
6. Kanak-kanak memerhati keadaan batu dan minyak yang ada dalam botol tersebut. Adakah batu dan minyak boleh bercampur?
7. Setelah selesai melakukan aktiviti, murid bersoal jawab tentang aktiviti yang telah dijalankan.

Nota:

	<i>* guru boleh menyediakan abm berdasarkan pelbagai tema yang bersesuaian</i>